

PENUTUP

1. KESIMPULAN.

Ajaran Islam yang diwahyukan oleh Allah kepada rasul-Nya adalah agama yang suci, mulia dan terpelihara dari sebarang kekeliruan. Mentauhidkan Allah merupakan pokok ajaran yang dibawa oleh Islam. Aqidah Islam yang mendokong rukun iman dan rukun Islam telah dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W., ia merupakan akar tunjang agama Islam dan pembentuk peribadi seseorang di mana baik atau buruk akhlak seseorang bergantung kepada benar atau tidak aqidahnya. Oleh itu umat Islam hendaklah memandang tinggi dan menjaga kehormatan aqidahnya dari sebarang bentuk penyelewengan, termasuk penyelewengan yang dilakukan oleh pembawa ajaran sesat.

Sejak akhir-akhir ini perkembangan ajaran sesat telah menjadi satu masalah besar kepada perkembangan dan dakwah Islam. Kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang melakukan amalan bertentangan dengan syariat Islam berkembang seiring dengan ajaran-ajaran dan dakwah Islam yang sebenar. Ajaran ini telah dipengaruhi oleh fahaman kuno dan gerakan batiniah. Penganut ajaran sesat biasanya melakukan penakwilan terhadap ayat-ayat Al-Quran mengikut hawa nafsu untuk disesuaikan dengan kehendak mereka.

Gerakan ini yang dilakukan secara sulit telah berjaya mengg-

aruhi segolongan umat Islam yang tidak mengetahui atau memahami ajaran Islam yang sebenar.

Pengembangan ajaran sesat tersebut telah didorong oleh tujuan yang bersifat peribadi di mana terdapat di kalangan guru-guru ajaran sesat yang mengembangkan ajarannya kepada masyarakat untuk mendapatkan sanjungan dan kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat di samping untuk mendapatkan kesenangan yang berbentuk material daripada para pengikutnya.

Di Johor, ajaran sesat telah dibawa masuk dari negara-negara jiran seperti Indonesia, Kampuchea dan lain-lain, ianya dipengaruhi oleh kepercayaan batiniah yang dibawa dari Pulau Jawa. Di antara kumpulan ajaran sesat yang terdapat di Johor dan yang telah dikenalpasti oleh pihak JAID ialah, Ajaran Taslim, Tariqat Nur Zaman, Ajaran Syed Mohd Harith bin Busu, Tariqat Naksyabandiah Al-Aliyah, Ajaran Abu Bakar Sappu dan lain-lain lagi.

Kebanyakan mereka yang terlibat dalam gerakan ajaran sesat di Johor ialah dari kalangan mereka yang tidak mempunyai asas pengetahuan agama dan tidak bekerja. Kekurangan ilmu agama menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan hujah-hujah yang disampaikan oleh guru-guru ajaran tersebut yang dianggap mursyid. Keinginan untuk membeli jari ilmu Tasawuf juga boleh menyeret seseorang terlibat dalam gerakan ajaran sesat yang biasanya mengamalkan sesuatu...

Gerakan ajaran sesat yang dilakukan secara sulit, terbatas hanya di kalangan ahlinya sahaja telah merenggangkan hubungan silaturrahim di kalangan masyarakat. Perbezaan dalam soal aqidah telah menimbulkan masalah perpaduan umah yang menyebabkan umat Islam melakukan kesalahan-kesalahan besar dalam Islam. Ini kerana aqidah tidak dapat menguasai dan mengatur akhlak anggota masyarakat. Perpecahan ini telah membuka jalan kepada orang-orang Kristian untuk membawa umat Islam kepada agama mereka.

Menyedari fenomena ini, JAIJ sebagai pihak yang bertanggungjawab mengawasi halehwal agama Islam di Negeri Johor telah dan sentiasa berusaha untuk memerangi dan membanteras ajaran-ajaran sesat yang terdapat di sini. JAIJ telah mengadakan beberapa program dakwah supaya masyarakat boleh membezakan antara yang hak dan yang batil dan mengenali antara iman dan kufur. Pihak JAIJ sentiasa melakukan penyelidikan dan penangkapan ke atas kumpulan-kumpulan ajaran sesat yang terdapat di Johor. Contohnya JAIJ telah melakukan operasi ke atas ajaran Tariqat Naksyabandiah Al-Aliyah di Kota Tinggi, operasi ke atas ajaran Syed Mohd Harith bin Busu di Johor Bahru, operasi ke atas ajaran Puan Rogayah bte Abdul Rahman di Batu Pahat dan lain-lain lagi. Setiap ajaran sesat yang telah diselidiki dikeluarkan fatwa mengenainya oleh Ahli Jawatankuasa Lujnah Fatwa Negeri Johor.

Penyelidikan dan operasi yang dilakukan oleh JAIJ terhadap kumpulan ajaran sesat dapat menyelamatkan mereka yang terliat dari

terus berada dalam kesesatan di samping menyedarkan masyarakat tentang bahaya ajaran sesat tersebut.

Kajian ini berorientasikan suatu pendedahan kepada masyarakat Islam, mengenai ajaran sesat agar mereka tidak terkeliru dengan fahaman tersebut. Mereka yang tidak mempunyai latarbelakang pengetahuan agama yang cukup mudah terpengaruh dengan gaya dan keistemiwaan yang ada pada pembawa-pembawa ajaran sesat yang biasanya pandai berhujah dan mempunyai kelebihan luarbiasa, walaupun ajaran ini jauh dari ciri-ciri intelektualisme dan rasionalisme, mereka juga tidak mempunyai hujah-hujah dan sandaran-sandaran yang kuat untuk mempertahankan ajarannya.

Pertahanan aqidah mampu menjadi perisai daripada pengaruh ajaran sesat. Aqidah yang kuat dapat menyelamatkan seseorang Islam dalam mengharungi pelbagai suasana kehidupan tanpa melakukan sebarang penentangan terhadap hukum-hukum Allah S.W.T.. Pemahaman yang salah terhadap ajaran Islam boleh membawa pengikutnya melakukan penyelewengan. Untuk mengelakan fenomena tersebut umat Islam hendaklah sentiasa berusaha memperluaskan lagi fahaman mereka terhadap ajaran Islam dari guru-guru yang bertauliah dan ahli dalam bidang tersebut. Mereka tidak sepatutnya mencampurkan agama dengan perkara-perkara khurafat dan "bid'ah" kerana ia merupakan salah satu faktor yang membawa penyelewengan aqidah mereka daripada aqidah Islam yang sebenarnya.

Oleh itu penulis mengharapkan, semoga latihan ilmiah ini dapat memberi pandangan dalam menyedarkan para pembaca tentang peranan yang sebenarnya dimainkan oleh umat Islam untuk memerangi ajaran sesat yang telah berjaya memenangi hati pengikutnya; kerana objektif dan matlamat penebusan JAIJ menjaga kemurnian Islam tidak akan dicapai, tanpa kesedaran dan kerjasama daripada umat Islam seluruhnya. Islam sendiri telah menganjurkan agar umatnya saling bantu membantu dalam melakukan kebaikan, firman Allah;

Maksudnya, "Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan perseteruan". (Surah al-Maidah: 2).

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

### 1. SARANAN.

Setelah melakukan kajian dan penganalisaan sebagaimana yang telah dipaparkan dalam bab-bab yang lalu, penulis akan mengemukakan pula beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu dalam bab kelima ini. Penulis menaruhakan cadangan-cadangan yang diutarakan akan dapat menolong usaha-usaha pihak tertentu memerangi ajaran sesat ke arah mencapai matlamat yang dicita-citakan. Di samping itu kajian ini juga mengemukakan beberapa yang dilekatkan oleh semua pihak dalam mementeras ajaran sesat kerana penting untuk menyelamatkan masyarakat dari terjerumus ke dalam ajaran sesat. Diingini ini khasnya

Oleh itu penulis mengharapkan, semoga latihan ilmiah ini dapat memberi sumbangan dalam menyedarkan para pembaca tentang peranan yang seharusnya dimainkan oleh umat Islam untuk memerangi ajaran sesat yang telah berjaya memenangi hati pengikutnya; kerana objektif dan matlamat penebusan JAIJ menjaga kemurnian Islam tidak akan dicapai, tanpa kesedaran dan kerjasama daripada umat Islam seluruhnya. Islam sendiri telah menganjurkan agar umatnya saling bantu membantu dalam melakukan kebajikan, firman Allah;

Maksudnya, "Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan takwa, dan jangan tolong menolong dalam berbuat dosa dan perseteruan". (Surah al-Maidah: 2).

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

### 3. SARANAN.

Setelah melakukan kajian dan penganalisaan sebagaimana yang telah dipaparkan dalam bab-bab yang lalu, penulis akan mengemukakan pula beberapa saranan kepada pihak-pihak tertentu dalam bab kelima ini. Penulis mengharapkan cadangan-cadangan yang diutarakan akan dapat menolong usaha-usaha pihak tertentu memerangi ajaran sesat ke arah mencapai matlamat yang dicita-citakan. Di samping itu kajian ini juga diharapkan dapat menjadi yang dilaksanakan oleh semua pihak dalam masyarakat yang berbilang kaum kerana pertamanya untuk menyelamatkan masyarakat dari terlanjur ke dalam kegelapan yang tidak diingini ini khasnya di kalangan kaum muslimin yang berbilang kaum dan bahasa.

Melalui bab kelima ini, penulis akan mengemukakan saranan-saranan kepada pihak Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ), terhadap masyarakat yang menjadi sasaran kegiatan ajaran sesat juga kepada pihak kerajaan.

a) Saranan-Saranan Kepada Pihak JAIJ.

1. Pihak JAIJ hendaklah melantik pegawainya yang khusus untuk membanteras ajaran sesat ini supaya proses pembasmian berjalan dengan licin dan sistematik.
2. Bahagian Penyelidikan yang dipertanggungjawabkan dalam masalah ini hendaklah menubuhkan jawatankuasa kecil penyelidikan dan pembasmian ajaran sesat. Pembahagian tugas di kalangan ahli-ahli jawatankuasa kecil tersebut akan memudahkan lagi tugas-tugas penyelidikan dan pembasmian ajaran tersebut.
3. Pihak JAIJ seharusnya merekodkan kesemua laporan mengenai kegiatan pembasmian ajaran sesat. Setiap langkah yang telah diambil oleh JAIJ hendaklah dicatat dan disimpan di dalam fail khusus untuk rujukan. Semoga dengan ini cara yang sebaik-baiknya dalam pembasmian ajaran tersebut diperolehi.
4. Bahagian Penyelidikan hendaklah menyediakan panduan yang saintifik tentang rupabentuk ajaran batiniah dan hasilnya hendaklah disebarkan kepada umum supaya diketahui oleh umat Islam dengan itu mereka tidak mudah tertipu dengan ajaran-

- ajaran batiniah dan tariqat-tariqat yang menyesatkan.
5. JAIJ hendaklah mengisytiharkan tariqat-tariqat yang "mu<sup>C</sup>ta-bar" yang dapat dijadikan panduan oleh masyarakat untuk mengelakkan daripada terpengaruh dengan tariqat yang salah.
  6. Pihak JAIJ hendaklah memberikan garis panduan method ber-dakwah kepada para "dāi<sup>C</sup>" supaya tidak menekankan kepada persoalan halal dan haram sahaja, sebaliknya penekanan terhadap unsur-unsur aqidah haruslah diutamakan.
  7. Cadangan JAIJ untuk memaparkan laporan-laporan penyelidikan ajaran sesat di dalam Warta Kerajaan Johor dan disebarakan secara percuma kepada masyarakat hendaklah dilaksanakan dengan segera supaya orangramai lebih terdedah mengenai ciri-ciri dan bahaya ajaran sesat.
  8. JAIJ hendaklah meluaskan lagi skop pembasmian ajaran sesat agar ianya mencakupi ajaran-ajaran lai seperti Agama Bahai, aliran Marxist, fahaman komunis, Sosialis, Kapitalis, Sekular dan lain-lain lagi ideologi cipataan manusia.
  9. Pihak JAIJ seharusnya mempergiatkan lagi usaha-usaha mengadakan kursus-kursus kefahaman Islam dalam setiap daerah yang terdapat di Negeri Johor.



b) Saranan-Saranan Kepada Masyarakat Islam.

1. Masyarakat hendaklah sentiasa berusaha untuk mempelajari dan mendalami pengetahuan Islam agar dapat memahami ajaran Islam yang sebenar.
2. Masyarakat sepatutnya mempelajari atau membaca Al-Quran dan tafsirannya, kerana pengetahuan yang meluas mengenai-nya boleh menjadi benteng untuk menghindarkan mereka dari terjerumus ke dalam ajaran sesat ini.
4. Masyarakat Islam harus menyedari bahawa ilmu dan amalan Islam tidak dikembangkan secara sulit atau rahsia. Agama Islam diturunkan adalah untuk seluruh umat Islam.
5. Kepercayaan terhadap Nabi Muhammad sebagai rasul terakhir haruslah disematkan di sanubari setiap individu Islam, oleh itu tidak ada nabi sesudahnya.
6. Masyarakat tidak sepatutnya mudah percaya terhadap mereka yang mendakwa sebagai nabi, Imam Mahdi, rasul dan wali kerana orang yang benar-benar ikhlas kepada Allah tidak suka mendedahkan martabatnya kepada orangramai. Sekiranya terdapat ajaran-ajaran yang dicurigai hendaklah dilaporkan kepada pihak tertentu.
7. Bagi masyarakat yang baru mendalami ajaran Islam dan ingin menghayati dan mengamalkannya tidak seharusnya mencari jalan ringkas untuk sampai kepada kecempurnaan, sebaliknya hendaklah mempelajarinya sedikit demi sedikit dan secara

berperingkat-peringkat supaya mereka tidak mudah terpengaruh dengan ajaran yang menyimpang.

- 6. Masyarakat hendaklah menyedari, ajaran sesat ini jauh sekali dari ciri-ciri intelektualisme dan rasionalisme. Ia tidak mempunyai hujah-hujah dan sandaran-sandaran yang kuat di dalam mempertahankan ajaran-ajarannya.
- 9. Masyarakat tidak seharusnya menaruh kepercayaan kepada mereka yang mendakwa bermimpi berjumpa Rasulullah atau sahabat-sahabat yang terdahulu yang tidak pernah dikenali dan tidak mendapat gambaran yang jelas mengenai mereka.
- 10. Masyarakat hendaklah bekerjasama dengan JAIJ dan pihak yang berurusan untuk membasmi ajaran sesat. Sebarang ajaran yang mencurigakan hendaklah dilaporkan kepada pihak berwajib.

c) Saranan-Saranan Kepada Pihak Kerajaan.

- 1. Masalah ajaran sesat hendaklah dipandang serius sebagai masalah nasional yang perlu dibanteras dari semasa ke semasa. Oleh itu kerajaan hendaklah mengadakan kerjasama dengan negara-negara jiran yang mengalami masalah yang sama dalam usaha memerangi ajaran-ajaran tersebut.
- 2. Kerajaan hendaklah mengadakan pertukaran guru-guru dan pnsyarah dibidang penyelidikan Islam dan menggalakkan kegiatan ilmiah dalam projek penyelidikan dan pengkajian Islam.

3. Kementerian Pendidikan hendaklah memastikan bahawa sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi lebih menekankan kepada aqidah.
4. Kerajaan hendaklah mempergiatkan lagi majlis-majlis seminar, diskusi tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam.
5. Di dalam menyebarkan, menerap dan menanam aqidah Islam ke jiwa masyarakat hendaklah diambil kira dan didasarkan kefahaman dan huraian para ulamak muktabar di kalangan Ulamak Ahli Sunnah. Ini untuk menjaga kesahihan kefahaman dalam bidang ini dan untuk menyedarkan umat Islam tentang apa-apa yang telah diijmakan oleh mereka yang berwenang di dalam zaman "klasik" sebagai panduan juga menjaga kesinambungan ilmu dalam bidang ini.
6. Kerajaan hendaklah mengadakan kursus-kursus panduan rohani atau tasawuf "sunni" termasuk di pusat-pusat pengajian tinggi.
7. Kementerian Penerangan hendaklah memberikan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri dengan mendedahkan bahaya ancaman ajaran sesat kepada masyarakat Islam melalui salurannya.
8. Kerajaan hendaklah menggiatkan lagi usaha-usaha menapis buku-buku atau tulisan-tulisan yang berkaitan dengan aqidah Islam.

### 3. KATA PENUTUP.

Semoga penulisan ini memberi manfaat kepada para pembaca sekalian. Penulis memohon maaf atas segala kekurangan dan kesalahan yang terdapat dalam penulisan ini. Sesungguhnya segala yang baik itu datangnyanya daripada Allah Subhanahu Wa Ta<sup>c</sup>ala.

Penulis mengakhiri penulisan ini dengan doa:

”اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ دِينَا تَمْنَعُ خَيْرَ الْآخِرَةِ  
 وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ حَيَاةٍ تَمْنَعُ خَيْرَ الْمَمَاتِ  
 وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ أَمَلٍ يَمْنَعُ خَيْرَ الْعَمَلِ“  
 وَاللَّهُمَّ اغْنُكُنِي